

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HASSSAN BIN ABDUL KARIM

SOALAN : 177

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 boleh berjaya jika Kerajaan masih meneruskan amalan melantik orang-orang politik menjadi ahli Lembaga Pengarah GLC dan GLIC milik kerajaan.

JAWAPAN: **YB DATUK LIEW VUI KEONG**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Inisiatif dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 menggariskan dalam Inisiatif 1.3.3 iaitu Memperkenalkan dasar berhubung dengan pelantikan ahli politik sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah dalam Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad dengan Jaminan (CLBG) yang berasaskan kepada kelayakan akademik dan/atau kelayakan profesional sahaja.
2. Sehingga hari ini, tiada seorang pun daripada Anggota Pentadbiran atau Ahli Parlimen dari pihak Kerajaan dilantik sebagai Pengerusi dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan atau entiti berkepentingan Kerajaan.
3. Untuk makluman, hanya pengecualian lantikan Khazanah Nasional Berhad sahaja yang disandang oleh YAB Perdana Menteri sebagai **Pengerusi Bukan Eksekutif** dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi sebagai **Pengarah Bebas Bukan Eksekutif** bagi memastikan kepentingan Kerajaan dijamin.
4. Tiada isu sama ada lantikan mereka menjaskannya kepentingan Kerajaan dan rakyat tidak dibela kerana pasukan kepimpinan Kerajaan yang dilantik sebagai anggota pentadbiran kini, adalah terdiri daripada individu daripada golongan profesional sama ada yang mempunyai kelayakan akademik atau kelayakan profesional dari badan-badan ikhtisas yang berkaitan.

5. Isu sama ada lantikan politik menyebabkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 tidak berjaya dan terjejas tidak boleh diukur hanya dengan satu inisiatif sahaja. Di dalam NACP, terdapat 115 inisiatif yang telah digariskan dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini adalah berkaitan antara satu sama lain. Justeru, lantikan politik yang dinyatakan oleh YB Pasir Gudang tidaklah dijadikan suatu penentu sama ada berjaya atau gagalnya sesuatu inisiatif.
6. Perancangan yang dibuat dalam NACP adalah mengambil kira semua aspek dan ia memerlukan komitmen semua pihak bahawa individu yang dilantik hendaklah memiliki kriteria integriti dan perkara ini tidak dikompromi oleh pihak Kerajaan memandangkan kesemua entiti berkepentingan Kerajaan seperti State Owned Enterprise (SOEs), GLC atau GLIC adalah milik rakyat sepenuhnya.
7. Kerajaan amat serius dalam isu pelantikan di entiti berkepentingan Kerajaan kerana Kerajaan tidak ingin sekali lagi kes penyelewengan dan salah guna kuasa sama ada berskala kecil atau besar melanda lanskap negara lagi seperti yang berlaku dalam Kerajaan terdahulu.
8. Sesungguhnya kesemua perlakuan individu yang dilantik di entiti-entiti yang mempunyai kepentingan Kerajaan ini oleh Kerajaan kini sentiasa diawasi dan dilihat oleh rakyat sendiri. Oleh itu, tentang isu siapa yang dilantik tidaklah penentu kegagalan atau kejayaan pelan ini.

Sekian, terima kasih.